

**GARIS PANDUAN  
PROGRAM IPT FOR SOCIETY @  
KELUARGA MALAYSIA (UNiTY)**

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

## ISI KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN</b>	<b>TAJUK/PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Glosari</b>	<b>4</b>
	<b>Singkatan</b>	<b>5</b>
1	<b>PENGENALAN PROGRAM IPT FOR SOCIETY@KELUARGA MALAYSIA (UNiTY)</b> 1.1. Pengenalan Program UNiTY 1.2. Konsep UNiTY 1.3. Model Pembangunan Komuniti (MPK) 1.4. Skop Program UNiTY 1.5. Governan UNiTY 1.6. Organisasi UNiTY 1.7. Zon UNiTY Universiti Awam	<b>7 - 13</b>
2	<b>KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM UNiTY</b> 2.1. Pemilihan Komuniti 2.2. Penglibatan Industri dan Agensi Kerajaan 2.3. Penglibatan Pelajar (SULAM) 2.4. Penglibatan Program (Sekolahku Universitiku) 2.5. Pemilihan Projek Berimpak daripada Universiti 2.6. Kaedah Pemantauan dan Penilaian	<b>14 - 16</b>
3	<b>GARIS PANDUAN PERUNTUKAN DANA UNiTY</b> 3.1. Dana UNiTY 3.2. Carta Alir Permohonan Dana	<b>17 - 25</b>

4	<b>PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROJEK</b>  4.1. Pemantauan Projek UNiTY 4.2. Implementasi Projek UNiTY 4.3 Penilaian Projek UNiTY 4.4 Hasil Projek UNiTY	<b>26 - 28</b>
5	<b>LAMPIRAN</b>  1. Borang Permohonan Projek UNiTY yang telah lengkap diisi 2. Senarai Semak Permohonan Projek UNiTY 3. Borang Penilaian Permohonan UNiTY 4. Borang Akuan Setuju Terima 5. Borang Laporan Kemajuan Berkala UNiTY 6. Borang Pemantauan Projek UNiTY 7. Borang Penilaian Akhir Projek UNiTY 8. Borang Laporan Akhir UNiTY 9. Borang Maklumbalas Oleh Industri dan Komuniti	<b>29</b>

## GLOSARI

TERMA	DISKRIPSI
<b>Agensi</b>	Organisasi yang mengendalikan perkhidmatan atau pentadbiran kerajaan seperti Kementerian, Jabatan, Institut, Pusat dan lain-lain seumpamanya
<b>Industri</b>	Organisasi perniagaan seperti Syarikat Berkaitan/Milik Kerajaan (GLC), Syarikat Tersenarai Awam (PLC), Syarikat Berbilang Negara (MNC), Perniagaan Kecil dan Sederhana (SME).
<b>Urus setia UNiTY</b>	Universiti Awam Malaysia (UA)
<b>Sekteriat UNiTY</b>	Universiti yang dilantik oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk mentadbir urus berkaitan UNiTY
<b>Keterangkuman</b>	Saling menghormati dan mengasihi sesama ahli keluarga
<b>Kebersamaan</b>	Sentiasa mencari titik persamaan dalam segenap perkara
<b>Kesyukuran</b>	Sentiasa bersyukur dan berterima kasih
<b>Urusetia UNiTY Kementerian Pengajian Tinggi</b>	Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM)
<b>Komuniti</b>	Kumpulan individu yang tinggal di sesuatu daerah atau negara yang mempunyai sifat-sifat kenderungan, kepentingan dan lain-lain yang serupa. Contohnya sekolah/penduduk/kampung/kawasan perumahan/NGO
<b>Penarafan Bintang Komuniti</b>	Kaedah pengukuran pencapaian komuniti melalui pemindahan ilmu.

## **SINGKATAN**

1. BKIM - Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat
2. IPT - Institusi Pengajian Tinggi
3. JPT - Jabatan Pendidikan Tinggi
4. KPT - Kementerian Pengajian Tinggi
5. NC - Naib Canselor
6. TNCAA - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
7. TNCHEPA - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
8. TNCJINM - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
9. TNCPI - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
10. KP - Ketua Projek
11. MPK - Model Pembangunan Komuniti
12. UA - Universiti Awam
13. UNiTY - *IPT for Society@Keluarga Malaysia*

**PENGHARGAAN**  
**UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**



## **BAHAGIAN 1**

### **PENGENALAN PROGRAM IPT FOR SOCIETY@Keluarga Malaysia (UNiTY)**

#### **1.1. Pengenalan**


IPT for Society@Keluarga Malaysia telah tercetus pada ucapan Majlis Amanat Menteri Pengajian Tinggi Tahun 2022 pada 17 Januari 2022. Melalui strategi yang kelima iaitu “Memacu Kesejahteraan Komuniti” pula, saya mengharapkan agar kita dapat menggunakan bidang kepakaran IPT kita untuk membangunkan masyarakat setempat UA berdasarkan kepada pendekatan inovasi sosial. Melalui inisiatif yang saya namakan program ‘University for Society@Keluarga Malaysia atau UNiTY’ ini, setiap UA boleh memilih komuniti angkat di lokaliti tertentu dan membangunkan mereka mengikut bidang kepakaran atau tujuan masing-masing. Sebagai contoh Universiti Malaysia Kelantan (UMK), boleh menjalankan program pembangunan keusahawanan di komuniti terpilih di Kelantan dengan membimbing mereka sehingga berjaya dalam bidang keusahawanan tertentu.

Selaras dengan tema amanat YBM KPT tahun 2022, iaitu “Memperhebat Strategi, Melonjak Kecemerlangan”, terdapat tujuh (**7**) strategi utama ini adalah fokus kelima iaitu memacu kesejahteraan komuniti. Setiap UA boleh memilih komuniti angkat di lokaliti tertentu dan membangunkan mereka mengikut bidang kepakaran atau tujuan masing-masing. Tiga gabungan nilai dan ciri Keluarga Malaysia yang terdiri keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

#### **1.2. Konsep UNiTY**

Pelaksanaan UNiTY adalah berdasarkan model “Model Penta Helix” (Rajah 1) yang dinyatakan di dalam buku *“Redesign University Higher Education: University, Industry and Community Engagement”*, dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Model ini berupaya menjamin kelestarian hubungan antara kerajaan, universiti, industri dan komuniti serta memberi kesan langsung (*outcome*) kepada masyarakat (*Society Outcome*).

Hasil pelaksanaan program UNiTY boleh diukur melalui perubahan dan peningkatan pengetahuan (ilmu), sikap, kemahiran dan aspirasi (PSKA). Ini akan dapat mewujudkan produk/perkhidmatan baharu yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui peningkatan nilai komersial dan penciptaan kekayaan.



Rajah 1: MODEL PENTA HELIX

Perubahan PSKA ini akan berkadar terus dengan hubungan (*partnership*) yang mantap antara keempat-empat entiti bagi mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Ia juga berupaya memenuhi matlamat pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals*) 2015 - 2030 yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Perubahan PSKA bermaksud seperti berikut:

### 1.2.1. Pengetahuan/Illu (P)

Pengetahuan/ilmu adalah faktor yang sangat kritikal dalam pembangunan diri seseorang dan juga komuniti secara keseluruhannya yang diperolehi melalui pendidikan atau pun pengalaman. Oleh itu, perubahan kepada pengetahuan/ilmu hasil pelaksanaan program UNiTY akan mewujudkan komuniti yang berilmu, berpengetahuan dan boleh memberi manfaat kepada komuniti secara umumnya

#### 1.2.2. Sikap (S)

Sikap juga adalah salah satu faktor penting dalam pembangunan diri dan komuniti. Perubahan sikap yang positif, dinamik, kreatif dan sebagainya akan berupaya membentuk masyarakat yang berdaya saing, mempunyai jati diri dan mampu berdikari dari segi ekonomi dan sosial.

#### 1.2.3. Kemahiran (K)

Kemahiran sangat penting dalam membentuk sesebuah negara maju. Kemahiran dalam pelbagai bidang yang boleh dikuasai oleh komuniti dapat menjamin kelangsungan hidup komuniti untuk menghadapi dunia yang sentiasa berubah dan penuh cabaran pada masa kini dan akan datang.

#### 1.2.4. Aspirasi (A)

Aspirasi adalah elemen penting untuk dipupuk supaya masyarakat sentiasa mempunyai dorongan dan semangat untuk memajukan diri dan sentiasa terkehadapan dalam pelbagai bidang yang diceburi. Oleh yang demikian, perubahan aspirasi akan menyumbang kepada masyarakat yang berdaya saing dan maju di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Rajah 2).



Rajah 2: Impak Program UNiTY kepada Komuniti

### **1.3. Model Pembangunan Komuniti (MPK)**

Model Pembangunan Komuniti akan digunakan sebagai panduan dalam pelaksanaan program UNITY. MPK bermaksud “suatu proses libat sama komuniti untuk mengambil tindakan kolektif dan menghasilkan penyelesaian masalah yang melibatkan kerajaan, pemimpin, aktivis, rakyat dan industri atau profesional untuk meningkatkan mutu kehidupan dan sosio ekonomi komuniti secara holistik. Ia biasanya bertujuan untuk membina komuniti tempatan yang lebih kuat dan lebih berdaya tahan”.

Elemen utama dalam MPK adalah seperti berikut:

#### **1.3.1. Kehendak Komuniti**

Pra-syarat MPK adalah mengenal pasti kehendak dan keperluan komuniti terlebih dahulu. Ini akan menjamin program benar-benar memberi manfaat kepada sasaran yang sesuai. Kehendak komuniti juga hendaklah selaras dengan matlamat pembangunan mampan (*Sustainable Development Goal*) 2015 - 2030.

#### **1.3.2. Penglibatan Komuniti**

Program yang dirangka hendaklah secara dua hala, iaitu universiti bersama dengan agensi kerajaan dan industri hendaklah melibatkan secara langsung komuniti yang berkaitan. Dalam hal ini, program UNITY perlu melibatkan seberapa banyak agensi kerajaan dan industri agar komitmen menyeluruh dapat dijalin bagi menggerakkan pelaksanaan program.

#### **1.3.3. Impak Kepada Komuniti**

Program yang dilaksanakan hendaklah mempunyai elemen pemantauan supaya program mencapai matlamat yang ditetapkan dan seterusnya memberikan impak kepada komuniti terutamanya dari segi ekonomi dan sosial. Lima indikator yang akan dipantau adalah bilangan libatsama industri/komuniti dengan universiti, bilangan pensyarah terlibat, penjanaan pendapatan (tunai/setara) dari industri/komuniti, pihak media atau penderma dan bilangan pengamal industri/komuniti sebagai tenaga pengajar di universiti. Bagi komuniti pula,

instrumen khusus akan direkabentuk sejajar dengan keperluan penyelesaian masalah dalam komuniti yang telah dikenalpasti pada peringkat awal.

#### 1.3.4. Pengehakupayaan Komuniti

Pengehakupayaan merupakan matlamat akhir MPK iaitu komuniti berdikari dan berupaya mengembangkan program UNiTY untuk manfaat bersama. Malahan mereka juga boleh membuat duplikasi kejayaan program UNiTY di komuniti yang lain.

### 1.4. Skop Program UNiTY

Skop UNiTY adalah seperti berikut:

- 1.4.1. Membangunkan komuniti melalui Program komuniti angkat di lokaliti tertentu sekitar UA menggunakan konsep pemindahan ilmu yang bercirikan inovasi sosial mengikut bidang kepakaran atau tujuan UA masing-masing.
- 1.4.2. Memberikan khidmat saringan Kesihatan dan Promosi Kesihatan melalui Perkhidmatan Klinik Bergerak HPU.
- 1.4.3. Memberikan bantuan kepada pelajar B40 berkeperluan melalui bantuan peranti dan agihan sumbangan zakat ; dan
- 1.4.4. Membantu komuniti menerusi perkongsian kepakaran teknikal kejuruteraan, khidmat penyelidikan dan sains sosial dalam peningkatan kesejahteraan kehidupan dan sosioekonomi.

### 1.5. Governan UNiTY

Struktur governan pelaksanaan UNiTY adalah seperti berikut:

#### 1.5.1. Peringkat KPT

BKIM berperanan sebagai sekretariat pusat yang akan bertanggungjawab dari segi penetapan polisi, hala tuju, pemantauan dan kewangan. Fungsi BKIM akan diperluas untuk memasukkan skop komuniti. Sekretariat UNiTY Pusat akan melapor pencapaian UNiTY kepada Ketua Pengarah JPT secara berkala dan juga kepada YB Menteri KPT.


#### 1.5.2. Peringkat Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana UNiTY

Naib Canselor akan berperanan sebagai Jawatankuasa Pelaksana UNiTY di universiti. Pelaksanaan program pula adalah mengikut bidang tugas yang dipertanggungjawabkan kepada semua TNC sedia ada, sementara pengukuran/pemantauan dan pelaporan kepada Sekretariat TNCJINM UA masing-masing. Sekretariat UNiTY di UA hendaklah melapor pencapaian aktiviti kepada Sekretariat UNiTY Pusat iaitu kepada BKIM, JPT dan pihak pengurusan universiti secara berkala.

#### 1.5.3. Peringkat Ketua Projek (KP)

Ketua projek dipilih daripada kalangan penyelidik UA mengikut kepakaran yang boleh melaksanakan projek komuniti. KP bertanggungjawab untuk melaksanakan, memantau dan memastikan hasil projek tercapai mengikut tempoh yang ditetapkan. KP juga bertanggungjawab melaporkan pelaksanaan projek kepada Ketua Sekretariat UA secara berkala.

### 1.6. Organisasi UNiTY



## **1.7. Zon UNiTY Universiti Awam**

Universiti awam terlibat dibahagikan mengikut zon seperti berikut:

### **1.7.1. Zon Utara**

- i. Universiti Utara Malaysia (UUM)
- ii. Universiti Sains Malaysia (USM)
- iii. Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)

### **1.7.2. Zon Tengah 1**

- i. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- ii. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- iii. Universiti Malaya (UM)

### **1.7.3. Zon Tengah 2**

- i. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- ii. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
- iii. Universiti Malaysia Pahang (UMP)

### **1.7.4. Zon Tengah 3**

- i. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ii. Universiti Putra Malaysia (UPM)
- iii. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

### **1.7.5. Zon Selatan**

- i. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- ii. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- iii. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

### **1.7.6. Zon Borneo**

- i. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- ii. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

### **1.7.7. Zon Timur**

- i. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- ii. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- iii. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

## BAHAGIAN 2

### KAEADAH PELAKSANAAN PROGRAM UNiTY

#### 2.1. Pemilihan Komuniti

2.1.1. Komuniti adalah merujuk kepada

- 2.1.1.1. Komuniti adalah sekumpulan manusia yang berinteraksi bersama-sama di dalam sesuatu kelompok masyarakat dan boleh diterjemahkan melalui: Organisasi, entiti, persatuan atau pertubuhan yang bergerak untuk kepentingan bersama **atau**;
- 2.1.1.2. Institusi yang ditubuhkan untuk mencapai matlamat sosial seperti institusi pendidikan, sekolah, pra-sekolah dan institusi latihan; **atau**;
- 2.1.1.3. Jaringan perhubungan antara pelbagai lapisan komuniti **atau**;
- 2.1.1.4. Kumpulan individu yang bergerak secara sukarela untuk memberikan khidmat kepada komuniti yang mampu bekerjasama antara satu sama lain berasaskan kepada prinsip nilai murni yang merangkumi kenegaraan, kesusilaan, pembinaan negara bangsa, hak asasi dan etika.

2.1.2. Komuniti dipilih berdasarkan kepada cadangan isu yang datang daripada komuniti (*Community Based Needs*).

- 2.1.3. Isu yang diketengahkan adalah isu-isu di peringkat negara berdasarkan perspektif berikut:
  - 2.1.3.1. Isu dalam bentuk permasalahan komuniti
  - 2.1.3.2. Isu dalam bentuk peluang yang bakal diperolehi oleh komuniti yang menerima manfaat

2.1.4. Proses pemilihan komuniti hendaklah dibuktikan melalui kaedah *community based needs* yang telah dilaksanakan semasa mengemukakan cadangan permohonan.

## **2.2. Penglibatan Industri dan Agensi Kerajaan**

- 2.2.1. Projek-projek yang dicadangkan mestilah berdasarkan *Penta Helix Model* yang melibatkan penglibatan bersama universiti, komuniti, agensi kerajaan dan industri.
- 2.2.2. Industri dan agensi kerajaan yang terlibat mestilah terlibat secara langsung dengan isu yang diketengahkan.
- 2.2.3. Penglibatan industri dan agensi kerajaan boleh berlaku dalam bentuk sumbangan kewangan dan/atau selain kewangan (*in-kind*) samada daripada peruntukan tanggungjawab sosial korporat (CSR) atau lain-lain sumbangan.
- 2.2.4. Sumbangan kewangan daripada industri boleh dipertimbangkan untuk pelepasan cukai tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan. UA masing-masing bertanggungjawab untuk menyelaraskan permohonan pelepasan cukai berkenaan.

## **2.3. Penglibatan Pelajar (SULAM)**

- 2.3.1. SULAM merujuk kepada *Service Learning Malaysia-University for Society* di bawah inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan TNCAA.
- 2.3.2. Zon UNiTY perlu melibatkan sekurang-kurangnya satu (1) subjek SULAM dalam projek dilaksanakan.
- 2.3.3. Penglibatan pelajar dalam projek yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada keperluan UA masing-masing merangkumi perancangan, pelaksanaan dan penilaian.
- 2.3.4. Peruntukan perbelanjaan penglibatan pelajar SULAM adalah tidak terpakai melalui geran UNiTY.

## **2.4. Penglibatan Program Sekolahku Universitiku**

- 2.4.1. Penglibatan mahasiswa universiti melalui pejabat TNCHEPA yang terlibat dalam projek yang dilaksanakan perlu memindahkan ilmu kepada sekolah yang terpilih.

2.4.2. Peruntukan perbelanjaan penglibatan pelajar dalam Sekolahku Universitiku adalah menjadi tanggungjawab TNCHEDA masing-masing.

## **2.5. Pemilihan Projek Berimpak daripada Universiti**

- 2.5.1. Pemilihan projek adalah merujuk kepada elemen pelaksanaan pantas, kos rendah, berimpak dan lestari.
- 2.5.2. Projek berimpak bermaksud berlaku peningkatan perubahan kepada sikap, kemahiran, aspirasi dan tingkah laku komuniti penerima manfaat dan berupaya untuk mengehakupaya komuniti lain dengan memindahkan ilmu kepada komuniti lain dan projek berkenaan mampu untuk kekal lestari tanpa bantuan universiti.
- 2.5.3. Projek yang dikategorikan berimpak tinggi yang dilaksanakan digalakkan untuk mensasarkan penarafan bintang 4 hingga 5.
- 2.5.4. Projek yang dilaksanakan mestilah projek sedia ada yang telah terbukti kejayaan di UA masing-masing.
- 2.5.5. Rujuk glosari penarafan bintang komuniti.

## **2.6. Kaedah Pemantauan dan Penilaian**

- 2.6.1. Kaedah pemantauan dan penilaian projek UNiTY adalah tertakluk kepada Garis Panduan Peruntukan Dana UNiTY yang telah ditetapkan (Rujuk Bahagian 3).

## **BAHAGIAN 3**

### **PENGURUSAN DANA UNiTY**

#### **3.1. Dana UNiTY**

Dana UNiTY ini merujuk kepada peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada UA bagi tujuan pembangunan modal insan dan kesejahteraan komuniti untuk mencapai objektif pemindahan ilmu dan aktiviti pengembangan.

##### **3.1.1. Bidang Tumpuan Utama**

Pembentangan dana UNiTY meliputi bidang tumpuan utama yang dapat menyokong aspirasi negara yang telah dikenalpasti seperti berikut:-

- 1) Pendidikan – meningkatkan tahap pendidikan di Malaysia
- 2) Ekonomi Komuniti – meningkatkan ekonomi komuniti setempat
- 3) Kelestarian dan Teknologi Hijau
- 4) Terangkuman/Inklusif – Kumpulan kelainan mampu atau upaya
- 5) Pembangunan kemahiran komuniti yang relevan
- 6) Kesejahteraan Sosial
- 7) Perubahan Iklim dan Persekitaran
- 8) Kesihatan
- 9) Lain-lain tumpuan mengikut keperluan semasa

##### **3.1.2. Syarat- syarat Permohonan**

Dana UNiTY ini terbuka kepada kakitangan UA dengan syarat-syarat berikut:

- 1) Warganegara Malaysia dan bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- 2) Jawatan bertaraf tetap. Bagi pegawai bertaraf kontrak, tempoh kontrak perlu melebihi daripada tempoh projek yang hendak dimohon.
- 3) Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Projek bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukuan.
- 4) Ketua Projek perlu bekerjasama dengan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- 5) Setiap projek dipohon perlulah melibatkan sekurang-kurangnya satu (1) agensi, atau satu (1) industri terpilih sebagai rakan kongsi pintar dan memberi manfaat kepada komuniti. (500 orang penerima manfaat bagi satu projek, agensi dan industri)

- 6) Ketua Projek dan ahli projek mestilah **TIDAK** mempunyai kepentingan dalam organisasi yang melibatkan keuntungan. (contoh: syarikat pemilikan bersama dan pemegang saham syarikat)
- 7) Ketua Projek digalakkan untuk mendapatkan sumbangan dana tambahan daripada agensi, industri atau komuniti sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai (*in-kind*).
- 8) Tempoh projek adalah enam (6) bulan hingga 12 bulan dari tarikh penerimaan dana.
- 9) Projek berbentuk “one off” tidak akan dipertimbangkan.
- 10) Pegawai akademik yang bercuti sabatikal atau belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek dan ahli.
- 11) Ketua Projek yang berpindah UA atau tidak berupaya menjalankan peranan hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua Projek dan melantik Ketua Projek Baharu. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan projek berkenaan.
- 12) Ketua Projek yang menarik diri, perlu menunjukkan surat tunjuk sebab dan Urus Setia UNiTY UA perlu melantik Ketua Projek Baharu dan dimaklumkan kepada Sekretariat UNiTY.
- 13) Sekiranya berlaku perubahan skop tumpuan selepas kelulusan dana diperolehi, Ketua Projek perlu memohon kelulusan daripada Urus Setia UNiTY UA.
- 14) Permohonan mesti mengemukakan surat kerjasama dengan agensi atau industri.
- 15) Projek yang sedang dijalankan akan diberikan keutamaan.

### **3.1.3. Prosedur Permohonan Dana**

- 3.1.3.1.** Tawaran atau hebahan iklan permohonan projek dibuka dan di uarkan kepada setiap UA.
- 3.1.3.2.** Permohonan untuk projek UNiTY perlu menggunakan Borang Permohonan Projek IPT For Society@Keluarga Malaysia (UNiTY) yang terkini dan boleh dimuat turun melalui [www.uctc.upm.edu.my](http://www.uctc.upm.edu.my).
- 3.1.3.3.** Borang Permohonan UNiTY di isi oleh ketua projek dan perlu menepati bidang tumpuan utama dan syarat yang telah ditetapkan.
- 3.1.3.4.** Permohonan dihantar kepada Urus Setia UNiTY UA untuk disemak dan dinilai di peringkat Jawatankuasa Pelaksana UA.
- 3.1.3.5.** Semua permohonan hendaklah disahkan oleh Naib Canselor/Timbalan Naib Canselor/Penolong Naib Canselor yang bertanggungjawab di UA masing-masing.
- 3.1.3.6.** Permohonan yang telah disahkan perlu dihantar kepada Sekretariat UNiTY melalui Urus Setia UNiTY UA.
- 3.1.3.7.** Permohonan akan dinilai untuk kelulusan dalam Jawatankuasa Teknikal. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Induk.
- 3.1.3.8.** Kelulusan peruntukan kewangan akan disahkan oleh Jawatankuasa Induk.
- 3.1.3.9.** Surat tawaran kelulusan projek dan penyaluran dana akan dikeluarkan oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.

**3.1.3.10.** Tatacara pengurusan kewangan penggunaan dana adalah mengikut kepada prosedur kewangan UA yang berkuatkuasa.

#### **3.1.4. Kriteria Kelayakan Permohonan**

Berikut adalah kriteria utama kelayakan permohonan:

##### **3.1.4.1. Pemindahan Ilmu**

- a) Projek pemindahan ilmu berdasarkan kepada hasil penyelidikan/ inovasi/teknologi.

##### **3.1.4.2. Kepakaran atau Tujuan UA**

- a) Pelaksanaan projek UNiTY adalah berdasarkan kepakaran dan tujuan UA.

##### **3.1.4.3. Elemen Keluarga Malaysia**

- a) Mestilah mempunyai elemen keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran
- b) *Outcome/impak* projek seperti Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)

##### **3.1.4.4. Lokasi Komuniti**

- a) IPT dalam negeri masing-masing kecuali kawasan Lembah Klang (Selangor, WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur);
- b) Tiada berlaku tindihan lokasi/komuniti/ jenis projek;
- c) kumpulan sasaran berbeza walaupun dalam komuniti yang sama.

##### **3.1.4.5. Definisi Komuniti**

- a) Penglibatan persatuan penduduk/ Kawasan
- b) Penglibatan minimum 10 orang daripada komuniti

##### **3.1.4.6. Tempoh Projek**

- a) Pelaksanaan projek enam (6) hingga 12 bulan
- b) Pelaporan akhir (1 bulan selepas tarikh tamat)

##### **3.1.4.7. Permasalahan Komuniti**

- a) Permintaan/ permohonan daripada komuniti
- c) Mempunyai pengesahan daripada wakil komuniti

**Kriteria tambahan (dipertimbangkan):**

- 1) Projek berimpak tinggi (*flagship* @ projek angkat).
- 2) Projek yang dipohon mempunyai sumbangan tunai atau *in-kind* daripada pihak luar secara padanan.
- 3) Projek yang telah dilaksanakan, sedia ada atau dinaiktaraf.
- 4) Kaedah pelaksanaan adalah secara padanan.

**3.1.5 Penilaian Permohonan Dana**

- 3.1.5.1 Permohonan dana UNiTY akan dinilai menerusi pembentangan kepada Jawatankuasa Teknikal UNiTY.
- 3.1.5.2 Pengurus Jawatankuasa Teknikal akan memperakukur permohonan projek yang telah dinilai kepada pihak KPT. Pihak JPT, KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tarikh tutup permohonan dana UNiTY melalui surat rasmi kepada UA.

**3.1.6 Peraturan Kewangan Permohonan Dana**

**3.1.6.1. Perjalanan dan Pengangkutan**

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan dan pengangkutan bagi tujuan menghadiri persidangan dan yang berkaitan atau pengkomersilan dalam negara dan luar negara adalah **TIDAK** dibenarkan.

**3.1.6.2. Perhubungan dan Utiliti**

Pembayaran telefon, data *mobile*, faks, pos biasa, mel udara, mel berdaftar dan ekspress adalah dibenarkan.

**3.1.6.3. Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dalam projek sahaja.

#### **3.1.6.4. Bekalan dan Bahan Projek**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan.


#### **3.1.6.5. Perkhidmatan Ikhtisas**

Perkhidmatan percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek. Dokumentasi projek (seperti rakaman video perjalanan projek, gambar beresolusi tinggi dan sebagainya) dan penerbitan. Pembayaran yuran persidangan adalah **TIDAK** dibenarkan.

#### **3.1.6.6. Aksesori, Peralatan dan Perisian**

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori untuk projek yang berkaitan sahaja dibenarkan dan memenuhi keperluan komuniti. Aksesori, peralatan dan perisian yang dibeli untuk kegunaan komuniti akan menjadi hak milik komuniti pada akhir projek mengikut tatacara kewangan UA yang berkuatkuasa.

### 3.2. Carta Alir Permohonan Dana dan Pelaksanaan UNiTY



Tanggungjawab	Carta alir	Perincian	Rekod/Dokumen Rujukan
Urusetia UNITY IPT	<pre> graph TD     A((A)) --&gt; 9[9. Hantar dokumen ke Sekretariat UNITY]     9 --&gt; 10[10. Semak Kecukupan Dokumen]     10 --&gt; 11{11. Cukup?}     11 -- Ya --&gt; 13[13. Penilaian Peringkat Jawatankuasa Teknikal]     11 -- Tidak --&gt; 12[12. Tolak]     13 --&gt; 14[14. Kelulusan dan semakan di peringkat Jawatankuasa Teknikal (Penilaian)]     14 --&gt; 15{15. Lulus?}     15 -- Ya --&gt; 17[17. Senarai Projek yang telah diluluskan]     15 -- Tidak --&gt; 16[16. Justifikasi kepada IPT]     16 --&gt; 17     17 --&gt; B(((B)))   </pre>	9. Hantar dokumen ke Sekretariat UNITY	
Sekretariat UNITY (UPM)		10. Semak kecukupan dokumen	Borang Senarai Semak Permohonan
Sekretariat UNITY (UPM)		11. Jika Ya, ikut langkah 13 untuk penilaian peringkat Jawatankuasa Teknikal Jika Tidak, ikut langkah 12. Tolak. Permohonan di tolak.	
Sekretariat UNITY (UPM)		12. Dokumen yang tidak lengkap akan ditolak.	
Sekretariat UNITY (UPM) / Jawatankuasa Teknikal		13. Lantik panel penilai. Penilaian oleh panel penilai / Pitching secara online (5 minit)	Borang Penilaian Permohonan
Sekretariat UNITY (UPM) / Jawatankuasa Teknikal		14. Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (rujuk slaid taklimat UNITY) Jawatankuasa Teknikal membuat penilaian dan kelulusan.	
Jawatankuasa Teknikal		15. Jawatankuasa Teknikal menilai untuk meluluskan atau tidak setiap permohonan. Jika Ya, ikuti Langkah 17 Jika Tidak, ikuti Langkah 16	
Sekretariat UNITY (UPM) / Jawatankuasa Teknikal		16. Jawatankuasa Teknikal memberikan justifikasi sebab permohonan ditolak.	
Sekretariat UNITY (UPM)		17. Senarai projek yang telah diluluskan. Minit pengesahan kelulusan projek oleh Jawatankuasa Teknikal.	

Tanggungjawab	Carta alir	Perincian	Rekod/Dokumen Rujukan
Sekretariat UNITY (UPM) / Jawatankuasa Induk	<pre> graph TD     B((B)) --&gt; 18[18. Pengesahan Peringkat Jawatankuasa Induk]     18 --&gt; 19[19. Surat Tawaran Projek dari KPT]     19 --&gt; 20[20. Penyaluran Dana oleh KPT kepada setiap IPT]     20 --&gt; 21[21. Pelaksanaan projek seperti yang dirancang]     21 --&gt; 22[22. Pelaporan projek dan Dokumentasi]     22 --&gt; 23[23. Pemantauan dan Penambahbaikan]     23 --&gt; 24[24. Penilaian Akhir]     24 --&gt; 25[25. Pelaporan Akhir Projek]     25 --&gt; 26[26. Konferens UNITY]     26 --&gt; 27((27. TAMAT)) </pre>	18. Minit kelulusan pengesahan dana Jawatankuasa Induk dari BKIM kepada sekretariat UNITY.  19. Surat tawaran projek dikeluarkan oleh KPT kepada Naib Canselor /TNC dan salinan kepada Ketua Projek/Urus setia UNITY/Sekretariat UNITY  20. Dana disalurkan oleh KPT kepada setiap IPT dengan merujuk kepada borang maklumat kewangan dari setiap IPT. Makluman dan Salinan kepada Sekretariat UNITY (UPM).  21. Melaksanakan projek seperti yang dirancang.	
BKIM/KPT Sekretariat UNITY (UPM)			Borang Akuan Setuju Terima/Terma Rujukan Borang Maklumat Kewangan
BKIM/KPT Urusetia UNITY IPT Sekretariat UNITY (UPM)			
Ketua Projek			
Ketua Projek			
Urusetia UNITY IPT Sekretariat UNITY (UPM), BKIM/ /Ketua Projek			Borang Laporan Kemajuan Berkala- setiap sukuan
Sekretariat UNITY (UPM)			Borang Pemantauan Projek IPT For Society (UNITY)
Ketua Projek Urusetia UNITY IPT			Borang Penilaian Projek IPT For Society (UNITY)
Sekretariat UNITY (UPM)			Borang Laporan Akhir Projek

## **BAHAGIAN 4**

### **PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROJEK**

#### **4.1 Pemantauan Projek UNiTY**

- 4.1.1 Setiap Ketua Projek perlu mengisi dan menghantar laporan prestasi dan kewangan projek UNiTY setiap tiga (3) bulan kepada Urusetia UNiTY, UA.
- 4.1.2 Borang Laporan Kemajuan Berkala UNiTY dan Borang Laporan Akhir UNiTY perlu disahkan oleh Penyelaras UNiTY UA masing-masing.
- 4.1.3 Laporan akhir projek perlu dihantar dalam tempoh tiga(3) bulan selepas tamat projek dengan menggunakan Borang Laporan Akhir UNiTY kepada Urusetia UNiTY UA dan Sekretariat UNiTY.
- 4.1.4 Laporan akhir perlu disertai laporan daripada pihak komuniti dengan menggunakan Borang Maklumbalas Komuniti UNiTY.
- 4.1.5 Kandungan laporan akhir projek perlu disertakan instrumen pengukuran seperti – peratusan (%), carta perbatuan, bilangan penerima manfaat, impak sebelum dan selepas projek dijalankan.

#### **4.2 Implementasi Projek UNiTY**

Semua program yang diluluskan di bawah dana UNiTY perlu dipantau oleh Urusetia UA daripada aspek:-

##### **4.2.1 Prestasi Projek**

- i. Pemantauan akan dijalankan sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh projek menggunakan Borang Pemantauan Projek UNiTY.
- ii. Pemantauan kelestarian akan dilakukan selepas tiga (3) bulan selepas projek tamat.

#### **4.2.2 Prestasi Kewangan**

- i. Keberkesanan dalam pengurusan kewangan dan perbelanjaan untuk projek akan dilakukan setiap tiga (3) bulan sehingga projek tamat.
- ii. Pemantauan dilakukan oleh semua Urusetia UNiTY UA.

### **4.3 Penilaian Projek UNiTY**

- 4.3.1 Panel penilai yang dilantik akan melaksanakan proses penilaian di lokaliti projek selepas projek tamat.
- 4.3.2 Kaedah penilaian boleh dilaksanakan melalui lawatan, temubual, pembentangan, soal selidik dan Borang Penilaian Akhir Projek.
- 4.3.3 Hasil laporan penilaian akan diberi kepada Ketua Projek dan maklum balas tindakan pembetulan atau penambahbaikan perlu dilaksanakan dan disertakan bersama-sama dalam laporan akhir projek.

### **4.4 Hasil Projek UNiTY**

Setiap projek perlu menetapkan sasaran yang relevan kepada objektif dan juga tujuan program UNiTY untuk pengukuran keberhasilan program seperti berikut:

#### **4.4.1 Hasil Pemindahan Ilmu kepada komuniti**

Dana UNiTY ini perlulah menyenaraikan hasil pemindahan ilmu kepada sasaran yang ditetapkan sama ada pengetahuan, sikap, kemahiran, dan aspirasi (PSKA).

#### **4.4.2 Penerbitan**

Semua projek mestilah menghasilkan penerbitan dalam bentuk laporan teknikal. Penghargaan kepada dana UNiTY mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap laporan yang diterbitkan.

Jenis Penerbitan:

- 1) Laporan teknikal (laporan akhir)
- 2) Penerbitan dalam talian (laman sesawang/sosial media)
- 3) Bahan bertulis (jurnal/monograf/buku/akhtar/artikel/brosur)
- 4) Dokumentari/video

#### **4.4.3 Hak Harta Intelek**

Harta Intelek hasil dana UNiTY menjadi hak milik UA tertakluk kepada Polisi Pengkomesilan UA masing-masing.

**SENARAI BORANG  
PROJEK IPT FOR SOCIETY@KELUARGA MALAYSIA  
(UNiTY)**

NO.	SENARAI BORANG
1	Borang Permohonan Projek UNiTY yang telah lengkap diisi
2	Senarai Semak Permohonan Projek UNiTY
3	Borang Penilaian Permohonan UNiTY
4	Borang Akuan Setuju Terima
5	Borang Laporan Kemajuan Berkala UNiTY
6	Borang Pemantauan Projek UNiTY
7	Borang Penilaian Akhir Projek UNiTY
8	Borang Laporan Akhir UNiTY
9	Borang Maklumbalas Oleh Industri dan Komuniti